

SUDUT PAK-21

Gallery

Walk

Bab 1	Pengenalan kepada Ekonomi
Subtajuk	Konsep Kekurangan, Pilihan dan Kos Lepas
Standard pembelajaran	• Menjelaskan konsep kekurangan dan pilihan berasaskan sumber ekonomi terhad dan kehendak manusia tidak terhad. • Menilai implikasi pilihan yang dibuat oleh individu, kerajaan atau masyarakat dari aspek kos lepas dengan menggunakan contoh.
Persiapan awal	Sediakan kertas soalan, kertas sebak dan pen penanda.
Objektif	Membantu murid untuk memahami dan menyelesaikan masalah berkaitan konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas berdasarkan situasi yang diberi.
Aktiviti	1. Guru membahagikan murid-murid kepada lima atau enam kumpulan (jumlah ahli bergantung kepada bilangan murid dalam kelas). 2. Guru mengedarkan kertas soalan yang menunjukkan masalah kekurangan yang dihadapi dalam ekonomi kepada setiap kumpulan. 3. Guru juga mengedarkan kertas sebak dan pen penanda kepada setiap kumpulan. 4. Guru memberikan masa 15 minit untuk setiap kumpulan melaksanakan tugas dengan berbincang dalam kumpulan masing-masing bagi mencari pilihan terbaik dan kos lepas yang wujud untuk masalah kekurangan tersebut. 5. Ketua kumpulan akan menulis idea-idea ahli kumpulan pada kertas sebak. 6. Setelah selesai, hasil kumpulan akan ditampalkan pada sudut kelas. 7. Ahli kumpulan lain akan bergerak untuk melihat hasil kerja kumpulan lain manakala ketua kumpulan menjelaskan hasil perbincangan dan menjawab soalan daripada ahli kumpulan lain. 8. Guru akan memberi komen dan membuat rumusan berkaitan hasil perbincangan setiap kumpulan. Contoh soalan: (a) Syarikat Wira Berhad mempunyai modal sebanyak RM500 000 dan bercadang untuk membuka sebuah kedai buku atau restoran makanan segera. Bagaimanakah Syarikat Wira Berhad menyelesaikan masalah di atas? (b) Kerajaan negeri Pahang mempunyai peruntukan sebanyak RM1.5 juta dan bercadang untuk membina sebuah dewan serbaguna atau membina kompleks sukan. Bagaimanakah kerajaan negeri Pahang menyelesaikan masalah di atas? (c) Seorang pelajar mempunyai wang saku sebanyak RM15 dan perlu membuat keputusan sama ada menggunakan wang tersebut untuk menonton wayang atau membeli majalah sukan. Bagaimanakah pelajar tersebut menyelesaikan masalah di atas?